

“Kebijaksanaan” Gamal Abdel Nasser Tidak Dapat Diterima Oleh Ajaran-ajaran

Islam dan Kebebasan Hidup Manusia

Di dalam keluaran yang lalu penulis telah menerangkan tentang bagaimana seorang manusia mempunyai tabiat-tabiat semula jadi yang berkehendakkan tiap-tiap usaha dan ikhtiarnya ia mendapat faedah bagi dirinya dan keluarganya dan orang-orang yang dipertanggungjawabkan kepadanya tidak kepada seluruh manusia.

(Oleh penulis khas kita di Timur Tengah)

II

(Sambungan keluaran bulan lalu)

Apabila Gamal Abdel Nasser berkata maka langkah-langkah yang pertama yang diambilnya ialah merampas hak-hak perseorangan terutamanya orang yang kaya-kaya. Yang mana mempunyai tanah-tanah yang besar, tanahnya dirampas dan dibahagikan kepada petani-petani. Langkah-langkah ini, membahagikan harta-harta orang yang dihalalkan oleh agama untuk mengambilnya adalah suatu perbuatan yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam dan kerana itulah maka Islam memandang bahawa langkah yang sedemikian itu hanya dilakukan oleh negara-negara Komunis sahaja.

Menurut pendapat-pendapat ahli fikir di Timur Tengah ini, pada permulaannya sepatutnya tidaklah Gamal Abdel Nasser begitu terburu-buru untuk melangkah merampas hak-hak orang-orang di atas harta bendanya. Sepatutnya mereka memanggil satu demi satu orang-orang itu supaya dapat bertukar-tukar fikiran dan meminta pendapat mereka serta kerjasama mereka untuk kebaikan negara. Apabila yang demikian itu didapati dan apabila Gamal Abdel Nasser telah meminta fikiran-fikiran itu barulah daripada fikiran cerdik pandai itu dapat dibina suatu rancangan yang tidak bertentangan dengan

dasar-dasar hidup berkemanusiaan seperti yang diajarkan oleh Islam. Bahkan tidak begitu sahaja tetapi kekayaan dan kebolehan serta kemahiran orang-orang itu dapat kerajaan menggunakannya untuk kebaikan negara.

Tetapi apabila persoalan ini dijadikan perkara yang kedua — rampasan harta-harta lebih dahulu diambil dan dibahagikan sama rata kepada penduduk-penduduk maka sudah barang tentu yang demikian itu menjauhkan diri cerdik pandai dan hartawan daripada memberi kerjasama kepada kerajaan. Patut mesti diketahui bahawa manusia itu tidak sama fikiran dan otaknya, kemahirannya dan kepandaiannya.

Dengan kerana itulah maka menjadi suatu kesalahan yang besar bagi Gamal Abdel Nasser dengan langkah-langkahnya yang pertama menghapuskan hak-hak perseorangan yang dibenarkan oleh Islam.

Tidaklah diketahui adakah langkah-langkah Gamal Abdel Nasser itu sengaja dibuat begitu untuk menentang adanya Ikhwān al-Muslimīn yang menjadi musuh ketatnya di dalam perjuangan dan pertarungan politiknya? Tetapi adalah

terang adanya Ikhwān al-Muslimīn maka pengaruh-pengaruh Komunis di negara Mesir, sekalipun dibukakan pintunya sesudah Terusan Suez diserang oleh Inggeris dan Amerika di dalam mana dengan bantuan-bantuan Rusia mencurah-curahlah propaganda-propaganda Rusia masuk ke Mesir tetapi disyukurilah bahawa ketenangan jiwa dan keyakinan Mesir terhadap agamanya masih kuat dengan jasa Ikhwān al-Muslimīn — kalau tidak tentu orang-orang Mesir akan menjadi Komunis di negaranya sendiri.

Walau bagaimanapun usaha-usaha mengkomunikasikan orang-orang Mesir tidak akan dapat berjalan disebabkan oleh jiwa yang begitu kuat yang ditegakkan oleh Ikhwān al-Muslimīn itu. Akhirnya sesudah segala usaha-usaha dijalankan yang pada mulanya sebagai rahmat kepada penduduk-penduduk kecil, kepada rakyat jelata dan apabila Mesir membuka sayapnya mengadakan serangan besar-besaran ke Yaman maka perbendaharaan negara berhajatkan kepada wang dan berhajat kepada mata benda untuk melaksanakan cita-citanya dan kerana itu pemerahan kepada hasil-hasil yang diberikan kepada rakyat ditimbulkan dan kerana itu kesulitan-kesulitan hidup sudah timbul di Mesir. Yang tadinya

negeri itu makmur dan sejahtera, mewah di dalam segala-galanya maka di dalam keadaan yang seperti ini dipaksakan penduduknya, kerana mengikut kemahuan Gamal al-Nasser, hidup bercermat dan hidup sepicik-piciknya untuk

keselamatan negara. Itulah dasar yang dijalankan yang bertentangan dengan peri hidup kemanusiaan yang dilakukan oleh Gamal Abdel Nasser yang juga bertentangan dengan ajaran-ajaran agama yang

menghendaki dengan ada perampasan hak perseorangan kerana agama memberikan hak perseorangan mencari harta, memungut harta dan dengan tidak melupakan tanggungjawabnya kepada masyarakat bersama.

Apa En. Othman Wok kata

Mengenai Rang Undang-undang Hukum Islam

Rang undang-undang ini telah dikaji dengan sehalus-halusnya bukannya sahaja oleh pertubuhan Islam dan orang perseorangan tetapi juga oleh Jawatankuasa Pilihan yang mendapat faedah dari nasihat-nasihat bukan sahaja dari Peguam Agung, tetapi juga daripada nasihat Yang Dipertua Mahkamah Syariah, Tuan Haji Sanusi Mahmud.

*

Rang undang-undang ini juga telah dirujuk kepada **beberapa orang ahli agama Islam di England dan di Republik Arab Bersatu.**

*

Tidak ada sebarang percubaan dibuat untuk mengubah gagasan-gagasan asasi, atau hukum-hukum agama Islam.

*

Soal nikah cerai diperkuatkan lagi dalam undang-undang itu mengikut contoh-contoh yang berjalan di negara-negara Arab dan Pakistan.

*

Rang undang-undang ini mencerminkan satu kemajuan yang penuh pengertian dalam perundangan-perundangan sosial, untuk melindungi kaum wanita dan diharapkan

wanita-wanita Islam khususnya mengalu-alukan rang undang-undang ini

Sesungguhnya Allah Ta'ālā tidak menyiksa ketua-ketua dengan sebab orang ramai kecuali sesudah Ia melihat kemungkaran itu tersiar di antara mereka, sedang mereka berkuasa menyingkirkannya, tetapi mereka tidak menyingkirkannya — Hadith Nabi diriwayatkan oleh Aḥmad.)

Hukum Islam

Barang siapa menghukum dengan sesuatu yang tidak diturunkan Allah, maka orang itu fasik, zalim, dan kafir — Maksud tiga ayat Qur'an seerti.

*

Seorang suami yang melafazkan engkau tertalak atau seumpamanya dengan lafaz yang *ṣarīḥ* kepada isterinya atau isteri-isterinya, maka gugurlah talaknya tetapi yang demikian tidak dijatuhkan talak — ditahan oleh undang-undang Singapura kerana suami tidak boleh menceraikan isterinya melainkan dengan persetujuan isteri.

*

Hukum Islam tidaklah berpandu kepada hukum sesebuah negara Islam

tetapi didasarkan kepada hukum Allah dan rasul-Nya sedang negara-negara Islam yang ada sekarang hampir-hampir semua namanya sahaja negara Islam tetapi tidak menjalankan hukum Islam bahkan ada yang mendasarkan perjalanan sosialnya — dengan cara-cara socialist.

*

Sembahyang adalah tiang agama, sempurnakanlah ia dengan sebaik-baiknya baik mengenai isi, dan tujuannya. Barangsiapa tidak mengerjakannya dan tidak mengamalkannya maka janganlah diharap umat Islam akan dapat manfaat daripadanya sekalipun ia bersuara membela Islam membelah bumi — “Mengapa mereka hanya berkata tetapi tidak beramal?”

Kata-kata Hikmah

Hitung wangmu kalau mahu berbelanja, dan timbangkan perkataanmu kalau mahu bercakap. — ('Alī bin Abī Tālib)

*

Hai anak-anakku! Jaga-jagalah jangan engkau berdusta, kerana dusta itu merosakkan agama, menghilangkan kehormatan dan menjatuhkan darjat kamu. Kalau kamu berkata-kata orang tidak akan mahu mendengarnya dan kalau kamu berkhabar orang tidak mahu mempercayainya. — (Luqmān al-Ḥakīm)